



# KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

## Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564



### UNDANG-UNDANG KECIL & PERATURAN PASUKAN KREW

1. *Nama Pasukan atau Krew*

Pasukan ini dinamakan KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING di bawah Akta Parlimen No. 38 (1968) mengikut Dasar Pertubuhan dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia butiran 247E dan 248. Nombor pendaftaran yang telah dikeluarkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia adalah M9320 (sila rujuk Lampiran 1)

2. *Alamat Pasukan & Alamat surat menyurat:-* No. 70, Jalan SS20/10,  
Damansara Kim,  
47400 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

3. *Tempat Bermesyuarat*

Di alamat tersebut atau di mana-mana tempat yang telah ditetapkan atau dipersetujui oleh Pengerusi Krew.

4. *Perjumpaan Krew*

Krew Kelana akan berhimpun sekali setahun untuk Mesyuarat Agong pada awal tahun di mana kehadiran adalah diwajibkan. Perjumpaan-perjumpaan krew rasmi dan tidak rasmi yang lain adalah tertakluk kepada kesesuaian masa.

5. *Matlamat Pasukan*

Berkhidmat kepada Persekutuan Pengakap Malaysia dan Persaudaraan Pengakap Sedunia serta masyarakat untuk menggalakkan pengembangan sendiri di kalangan belia.

6. *Matlamat Ahli Kelana*

Untuk menjadi seorang insan yang memahami dan menjalankan tanggungjawabnya kepada Tuhan, raja dan negara serta kepada diri sendiri dengan sebaik kemampuannya.

7. *Tugas-tugas Pasukan*

1. Memelihara dan menggalakkan pergerakan ini di dalam Persekutuan Pengakap Malaysia, daerah dan negeri dan bekerjasama dengan lain-lain kumpulan pengakap yang berdaftar.
2. Bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan belia yang lain dalam jajahan ini.
3. Menjaga hal kewangan dan harta Persekutuan Pengakap Tempatan mengikut peraturan-peraturan dalam Seksyen V Dasar Pertubuhan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia.
4. Mencari dan mentadbirkan wang perbelanjaan, menjalankan pekerjaannya dan membantu semua kumpulan-kumpulan dalam daerah ini dengan jalan-jalan yang sesuai, asalkan semua cara mencari wang menurut Seksyen V dan wang-wang dan harta-harta ditadbirkan menurut peraturan 148-150.
5. Memberi sokongan penuh dan membantu Pesuruhjaya Daerah dalam PPM Daerah, PPM Negeri dan Persekutuan Pengakap Malaysia dalam latihan, pentadbiran dan kesemua Pergerakan Pengakap dalam jajahan ini.
6. Tujuan;  
Berpengakap Kelana ialah BERSAUDARA dan BERKHIDMAT.
  - 6.1 Melanjutkan latihan kewarganegaraan kepada Pengakap Kelana.
  - 6.2 Menggalakkan belia menceburi diri dalam Pergerakan Pengakap.
  - 6.3 Menggalak dan menjalankan kerja yang berguna untuk dirinya sendiri dan berkhidmat kepada masyarakat.
  - 6.4 Menggalakkan ahli bergerak ke arah hidupan yang sempurna.
  - 6.5 Melahirkan ahli yang berguna dan mempunyai visi dalam kehidupan masa depan.
  - 6.6 Menghayati dan mengamalkan Persetiaan dan Undang-undang Pengakap.



# KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

## Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564




### 8. Yuran Tahunan Ahli

Yuran tahunan yang dikenakan kepada setiap ahli dalam krew adalah ditentukan oleh Majlis Eksekutif Krew.

- Ahli baru/Bakal Kelana dikenakan bayaran RM35.00 setahun
- Ahli Kelana yang bersambung tugas dalam krew dikenakan bayaran RM25.00 setahun.
- Yuran tetap kepada PPM adalah RM20.00 setahun

Baki yuran seterusnya dimasukkan dalam Tabung Krew untuk kegunaan keperluan alat tulis dan lain-lain.

### 9. Organisasi



### 10. Syarat-syarat Menjadi Ahli

- Pasukan boleh menerima belia yang berumur 17½ tahun ke atas menjadi ahli dengan persetujuan majlis eksekutif krew dan ketua kelana.
- Ahli baru yang ingin menjadi ahli hendaklah berminat dan perlu aktif dalam kegiatan krew.
- Ahli baru hendaklah mempunyai rekod yang bersih dari sekolah dan juga dari mana-mana pihak yang berkenaan.
- Semua ahli mesti tahu berenang.
- Ahli baru hendaklah melalui proses ujian sebelum ianya diterima menjadi ahli yang sah. Sebelum seorang belia diterima menjadi ahli krew kelana ia hendak:
  - Menyempurnakan kesemua syarat yang ditetapkan dalam borang keahlian.
  - Permohonannya dipersetujui oleh Ketua Kelana dan diterima oleh ahli-ahli pasukan.
  - Mengetahui dan mengamalkan rukun-rukun agamanya setaraf peringkat umurnya.
  - Menunjukkan perakuan daripada Pemimpin Pengakap yang dahulu itu. Jika dahulu dia bukan seorang pengakap, dia dikehendaki melalui penilaian atau latihan untuk memberikan pengetahuan dan pengalaman asas yang mudah dalam berpengakap seperti di bawah ini:-
    - Memahami dan menerima Persetiaan dan Undang-undang Pengakap.
    - Dapat menerangkan tujuan Pergerakan Pengakap dan menyedari apakah yang diharapkan atas dirinya sebagai Pengakap Kelana.
    - Mengetahui sejarah Pergerakan Pengakap Malaysia:
      - Pertubuhan awal.
      - Pergerakan Pengakap antarabangsa.



## KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

### Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564



- Menjalankan sekurang-kurangnya selama 6 jam amal kepada masyarakat setempat bersama pasukan.
- Tahu mengikat dan menggunakan simpulan dan ikatan yang berikut:-  
BUKU SILA, BUNGA GETI, SIMPUL MANUK, TINDIH KASIH, LILIT DUA SIMPUL, LILIT PEMATI BIASA, IKATAN SERONG & SERAYA.  
Menggunakan simpul dan ikatan ini yang dipelajari dengan membina satu model projek perintis yang mudah dalam perkhemahan.

#### 11. *Pelantikan Bakal Kelana kepada Ahli Kelana*

- (a) Seorang Bakal Kelana (tidak pernah menjadi pengakap) yang telah lulus ujian yang ditetapkan (Perkara 9 iv) boleh dilantik sebagai Kelana selepas tamat tempoh percubaan 6 bulan atau mengikuti ketetapan Ketua Kelana dan Majlis Eksekutif.
- (b) Satu proses ujian mengenal diri (Vigil) hendaklah dilalui oleh Bakal Kelana dan selepas itu satu Istiadat Melantik hendaklah diadakan. Dalam istiadat ini, dia akan melafazkan Persetiaan Pengakap. Istiadat ini hendaklah dilakukan dengan penuh keikhlasan dan teratur supaya Bakal Kelana itu benar-benar boleh menerima Prinsip Berpengakap dan sedar bahawa dia memikul tanggungjawab yang tertentu bagi menyempurnakan janji yang telah dilafazkannya.
- (c) Istiadat Melantik hendaklah dijalankan di dalam krew kelana sendiri. Pelantikan hendaklah dibuat oleh Pemimpin Pasukan Kelana dan Bakal Kelana akan dikalungkan epolet kelana sebagai tanda menjadi ahli Kelana.

#### 12. *Pengakap Kelana adalah diharapkan:-*

- (a) Menunaikan janjinya taat kepada Tuhan, dengan amalan ibadat tertentu dan membina kemurnian rohaninya.
- (b) Menunaikan janjinya taat kepada raja dan negara.
- (c) Cuba dengan sedaya-upayanya untuk memberi taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara, di samping mengetahui perjalanan kerajaan negeri masing-masing dengan bersungguh-sungguh dan menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara yang setia.
- (d) Menunaikan janjinya berkhidmat pada pergerakan Pengakap dan kepada masyarakat dengan berkesan.
- (e) Dengan menjalankan perkhidmatannya dia hendaklah sedar bahawa kewajibannya yang utama ialah terhadap keluarganya dan menyediakan dirinya untuk kehidupan yang bahagia. Dia hendaklah dengan seberapa daya-upaya untuk mengelakkan diri daripada menjadi beban kepada orang lain, masyarakat dan negara. Dia juga perlu mengelakkan dirinya daripada kegiatan yang haram, buruk dan menyalahi undang-undang Pengakap dan juga undang-undang negara.
- (f) Menunaikan janjinya patuh kepada Undang-undang Pengakap dengan menjadikannya sebagai panduan hidup yang harmoni serta suci dan murni.

#### 12. Kesepuluh-puluh Undang-undang Pengakap merupakan Undang-undang Krew Kelana 'H' Petaling.

##### *Undang-undang Pengakap*

1. Pengakap adalah seorang yang sentiasa dipercayai maruah dan kehormatan dirinya.
2. Pengakap adalah seorang yang taat kepada DYMM Yang Di-Pertuan Agong serta raja-raja, pemimpin-pemimpin pengakapnya, ibu bapanya, majikannya dan orang-orang di bawahnya.
3. Pengakap adalah wajib menjadikan dirinya berguna dan menolong orang pada setiap masa.
4. Pengakap adalah sahabat kepada sekalian orang dan saudara kepada lain-lain pengakap walau apa pun negeri, pangkat dan agamanya.
5. Pengakap adalah seorang yang baik dan sempurna budi pekertinya dan sentiasa berbudi.
6. Pengakap adalah baik dan kasih kepada segala binatang.
7. Pengakap adalah seorang yang sentiasa menurut perintah dan suruhan ibu bapanya, ketua patrolnya dan pemimpinnya dengan tiada apa-apa soalan.
8. Pengakap adalah seorang yang sentiasa sabar dan manis muka apabila menghadapi sebarang kesusahan.
9. Pengakap adalah berjimat-cermat.
10. Pengakap adalah bersih dan suci fikirannya, perkataannya dan perbuatannya.



# KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

## Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564



### Peraturan-Peraturan Krew

#### 1. PAKAIAN SERAGAM

##### ***Pakaian Seragam Pengakap Lelaki / Wanita (Kelana & Pemimpin )***

\* Pakaian Seragam Pengakap telah disahkan dan diluluskan atas Akta Parlimen (Malaysia) No.143, tahun 1974 Seksyen IV.

Pakaian Seragam Pengakap Lelaki & Wanita (Kelana)

##### **i. Pakaian seragam Pengakap Darat**

Baju berwarna kelabu asap, berleher cekak musang dan berlengan panjang untuk Pengakap Kelana lelaki. Pengakap Kelana wanita pula adalah Baju ala kebaya bercekak musang.

##### **ii. Pakaian seragam Pengakap Laut**

Baju berwarna putih berleher cekak musang hanya boleh dipakai apabila menjalankan aktiviti laut.

##### **iii. Seluar**

Seluar panjang yang berwarna biru tua (*dark navy blue*) dipakai. Pengakap dilarang memakai seluar yang terlalu ketat atau longgar. Ahli pengakap dilarang memakai seluar panjang yang berkaki besar (*Bell bottoms*), ketat (*Drain Pipe*), labuh (*Carrot-cut*), *Box-Pocket* ataupun seluar jeans. Seluar yang warnanya telah pudar hendaklah diganti dengan yang seluar yang baru.

##### **iv. Topi forage**

Pengakap Kelana lelaki memakai topi *forage* yang berwarna biru tua dengan lilitan pita kain kuning berukuran ¼ inci dan berlencana besi berlambang pengakap. Pengakap Kelana wanita pula memakai topi bolo yang berwarna biru tua dengan lencana besi Pengakap. Pengakap dikehendaki memakai topi *forage*/topi bolo sepanjang masa menjalankan tugas dalam pakaian seragam kecuali pada masa rehat/makan. Adalah menjadi kesalahan jika pengakap tidak memakai topi *forage*/topi bolo apabila berseragam pengakap ataupun memakai topi *forage* yang tidak mempunyai lencana.

##### **v. Topi beret**

Pengakap Kelana dikehendaki memakai *beret* yang berwarna biru tua dan berlencana besi berlambang pengakap apabila memakai pakaian seragam Pengakap Laut.

##### **vi. Skaf**

Skaf rasmi kebangsaan yang dipakai berbentuk segitiga, berwarna biru tua serta mengandungi jalur-jalur putih dan merah di tepinya. Skaf perkhemahan, Jambori atau aktiviti hanya boleh dipakai oleh pengakap dalam suatu tempoh masa yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, pengakap dibenarkan memakai Skaf Jambori Antarabangsa/Kebangsaan selama 1 tahun manakala pengakap dibenarkan memakai Skaf Jambori negeri/daerah selama 6 bulan sahaja. Adalah menjadi kesalahan jika pengakap tidak mengikut cara memakai skaf tetapi memakainya dengan sesuka hati. Skaf pengakap hendaklah dipakai pada setiap masa apabila pengakap memakai kemeja pengakap tidak kira di mana pengakap berada. Adalah menjadi kesalahan untuk memakai baju seragam pengakap tanpa memakai skaf.

##### **vii. Tali pinggang**

Tali pinggang rasmi pengakap ialah yang berkepala perak yang mengandungi logo pengakap Malaysia padanya. Hanya tali pinggang rasmi pengakap dibenarkan sahaja. Pengakap Kelana wanita tidak perlu memakai tali pinggang.

##### **viii. Tanda nama**

Pengakap wajib memakai tanda nama jenis kain yang berwarna merah dengan tulisan putih, tanpa logo pengakap. Tanda nama dipakai 1cm dari jalur saku kanan.

##### **ix. Lencana Pengakap Raja**

Ahli Pengakap Kelana yang telah memperoleh anugerah Pengakap Raja boleh memakai lencana Pengakap Raja saiz kecil di lengan kanan pakaian seragam.



# KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

## Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564



- x. **Epolet**  
Epolet kelana berwarna latar merah dan berlambang Pengakap dengan nama 'Kelana'. Hanya boleh dipakai selepas upacara pelantikan sebagai kelana yang sah.
- xi. **Kasut**  
Pengakap perlu memakai kasut kulit berwarna hitam dan bertali. Pengakap Kelana wanita dibenarkan memakai kasut kulit hitam yang bertumit tinggi tidak melebihi 2 inci. Pengakap Kelana dibenarkan memakai kasut pengembaraan (contohnya *jungle boots*) apabila menjalankan aktiviti pengembaraan.
- xii. **Sarung kaki**  
Hanya sarung kaki yang berwarna biru tua dibenarkan. Sarung kaki tidak boleh dari jenis yang pendek (seperti *ankle-length socks*). Pengakap Kelana wanita tidak perlu memakai sarung kaki sekiranya memakai kasut yang bertumit tinggi.
- xiii. **Wogel**  
Wogel pengakap yang dipakai hendaklah berwarna merah serta mengandungi logo pengakap yang dijahit dan jelas kelihatan. Wogel Gilwell dilarang dipakai oleh pengakap kelana yang belum menghadiri dan lulus Kursus Manikayu Peringkat II.
- xiv. **Lencana-lencana lain**  
Lencana-lencana Jambori hanya boleh dipakai oleh pengakap yang telah menghadiri jambori/aktiviti tersebut dalam tempoh masa yang ditentukan sahaja. Sebagai contoh, lencana Jambori/aktiviti antarabangsa atau kebangsaan dibenarkan memakai selama 1 tahun manakala lencana Jambori negeri/daerah dibenarkan memakai selama 6 bulan sahaja. Adalah menjadi kesalahan jika pengakap tidak mematuhi peraturan tersebut.
- xv. **Baju aktiviti rasmi**  
Baju aktiviti krew yang rasmi ialah baju polo ber lengan pendek yang berwarna merah. Baju ini mempunyai lencana Krew Kelana 'H' Petaling di sebelah saku kiri.

Ahli yang gagal memakai pakaian seragam pengakap yang lengkap akan digantung dari perjumpaan krew, kegiatan ataupun aktiviti tersebut.

2. **Rambut**
  - 2.1 Pengakap lelaki dilarang berambut panjang (kurang dari 6 inci). Rambut di bahagian belakang leher tidak boleh menyentuh skaf. Di depan, rambut tidak boleh menutupi garisan tengah dahi. Di sebelah, rambut tidak boleh menutup kedua-dua telinga atau sebahagiannya.
  - 2.2 Pengakap perempuan yang berambut panjang tidak boleh disanggul tetapi dikehendaki diikat ataupun dijalin (*plaited*) supaya kelihatan kemas. Hanya reben atau klip rambut yang berwarna biru tua atau hitam sahaja dibenarkan. Jika berambut pendek, rambut hendaklah dipotong atas dari bahu.
  - 2.3 Pengakap kelana hendaklah mempunyai gaya dan dandanan rambut yang kemas dan tidak keterlaluan (seperti gaya rambut *Mohawk*).
  - 2.4 Pengakap kelana dilarang mewarnai rambut dengan menggunakan pewarna tidak asli (*hair-dye, bleach, spray*).
3. **Alat perhiasan dan dandanan**
  - 3.1 Cermin mata gelap dilarang sama sekali kecuali menjalankan aktiviti pada masa siang atau semasa memandu kereta.
  - 3.2 Pengakap kelana dilarang memakai apa-apa jenis barang kemas seperti rantai, gelang tangan, cincin (kecuali cincin perkahwinan/pertunangan) dan subang kecuali atas sebab-sebab agama. Pengakap Kelana wanita hanya dibenarkan memakai sepasang subang.
  - 3.3 Pengakap kelana dilarang mewarnakan kuku dengan pewarna kuku. Kuku mestilah pendek dan bersih.
  - 3.4 Pengakap kelana dilarang memakai sebarang jenis 'seni tubuh', tetap mahupun sementara, seperti *tattoo*.
4. **Tatatertib seseorang Pengakap Kelana**
  - 4.1 Pengakap kelana mesti berkelakuan baik dan bersopan santun pada setiap masa.



## KREW PENGAKAP KELANA LAUT 'H' PETALING

### Persekutuan Pengakap Malaysia, Daerah Petaling

No Pendaftaran Krew M9320

No 70, Jalan SS20/10. 47400 Petaling Jaya

H/P No : 019 315 4564



- 4.2 Pengakap kelana mesti mengamalkan Sistem Eksekutif pada setiap masa.
- 4.3 Pengakap kelana mesti mematuhi arahan petugas untuk 'duduk sedia' sebelum petugas melaporkan diri kepada pembimbing atau jurulatih sebelum sesuatu sesi dimulakan.
- 4.4 Pengakap Kelana dilarang menggulung lengan tangan baju semasa menjalankan istiadat rasmi contohnya istiadat menaikkan bendera. Pengakap juga dilarang mengangkat beg atau benda-benda lain sepanjang tempoh istiadat dijalankan.
- 4.5 Adalah salah bagi seseorang pengakap kelana bertutur kata dengan menggunakan perkataan-perkataan lucah semasa bertutur dengan sesiapa pun.
- 4.6 Perbuatan sumbang di kalangan pengakap lelaki dan perempuan adalah suatu kesalahan yang berat. Hukuman dan tindakan yang setimpalnya akan diambil terhadap pengakap yang disabitkan kesalahan.
- 4.7 'Ragging'/bullying dilarang di kalangan pengakap kelana yang lama kepada ahli yang baru.

#### 5. Kesalahan-kesalahan berat

*Di bawah merupakan senarai perkara-perkara tatatertib yang dianggapkan berat. Mereka yang disabitkan kesalahan-kesalahan tersebut boleh digantung ataupun ditarik balik keahlian dari Krew Kelana H.*

- 5.1 Jika pengakap melibatkan diri dalam pertubuhan haram (gengsterisme).
- 5.2 Jika pengakap membawa senjata yang berbahaya kecuali 'penknife' dan 'dagger' pengakap serta parang yang diperlukan semasa perkhemahan ataupun aktiviti-aktiviti yang berkenaan.
- 5.3 Jika pengakap melanggar peraturan/undang-undang Persekutuan Pengakap Malaysia atau undang-undang negara.
- 5.4 Jika pengakap sengaja melakukan perbuatan vandalisme terhadap harta benda persatuan pengakap atau harta benda awam.
- 5.5 Jika pengakap mencuri atau merompak.
- 5.6 Jika pengakap memukul, mengugut ataupun mengancam nyawa pengakap yang lain tidak kira dari apa-apa kumpulan atau krew, ataupun mana-mana pihak yang lain.
- 5.7 Jika pengakap menagih, mengedar atau menjual dadah dan/atau bahan-bahan ketagihan yang haram.
- 5.8 Jika pengakap berjudi, tidak kira dengan menggunakan wang atau tidak.
- 5.9 Jika pengakap minum minuman beralkohol semasa aktiviti berlangsung atau semasa memakai pakaian seragam pengakap.
- 5.10 Jika pengakap merokok semasa aktiviti berlangsung atau semasa memakai pakaian seragam pengakap.
- 5.11 Jika pengakap sengaja membangkitkan perkara-perkara yang sensitif dengan tujuan menimbulkan kekacauan, perpecahan kaum serta agama.
- 5.12 Jika pengakap menjalankan aktiviti dengan menggunakan nama baik Krew Pengakap Kelana 'H' Petaling dan Persekutuan Pengakap Malaysia tanpa kebenaran.
- 5.13 Jika pengakap mengadakan aktiviti-aktiviti pengakap tanpa kebenaran atau pengetahuan Pemimpin Krew, Majlis Eksekutif Krew atau mana-mana pihak yang tertentu. Pengakap yang ingin menjalankan aktiviti-aktiviti yang akan melibatkan nama baik pengakap diwajibkan mendapatkan surat kebenaran daripada Pemimpin Krew atau pihak-pihak yang tertentu seperti Pesuruhjaya Daerah.
- 5.14 Jika pengakap mencabuli kehormatan pengakap wanita atau sebaliknya.
- 5.15 Jika pengakap melakukan perbuatan sumbang, seks dan sebagainya di kalangan pengakap lelaki dan perempuan.



# Pakaian seragam Pengakap Kelana Darat



Topi forage



Topi bald

Lengan kanan

- Negeri
- Daerah
- Nombor krew
- Lencana Pengakap Raja
- Lencana krew



- Skaf rasmi kebangsaan
- Woggle
- Rambu pengakap
- Anugerah
- Lencana keahlian

Tali pinggang berkepala perak

Serung kaki biru tua (tidak kelihatan)

Ksut kulit hitam bertali

Pakaian seragam Pengakap Kelana lelaki (darat)

Epolet kelana

Tanda nama

Lencana Malaysia

Baju ber lengan panjang jenis cekak musang (kalabu asap)

Seluar pengakap biru tua




Lengan kiri

- Lencana kelana
- Lencana kemajuan

Lencana dijahit pada ukuran 1cm antara satu sama lain

Pakaian seragam Pengakap Kelana wanita (darat)

# Pakaian seragam Pengakap Kelana Laut






**Pakaian seragam Pengakap Kelana (lengan pendek)**



Pengakap kelana darat



Pengakap kelana laut

